

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH : 02 APRIL 2018 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Negaraku Berinovasi semarakkan budaya STI	Utusan Online
2.	Sasar 73 bidang pekerjaan bidang sains dan teknologi	Sinar Online
3.	73 kerjaya baharu dalam bidang sains dikenal pasti	Kosmo
4.	Himpunan Robobug tarik minat pelajar bidang STEM	Harian Metro
5.	Sustaining a style that lasts	The Star
6.	Penganjuran MyHA ditambah baik	Kosmo



Negaraku Berinovasi semarakkan budaya STI

KUALA LUMPUR 1 April - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dengan kerjasama Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) akan menganjurkan program Hari Sains Sedunia yang bertemakan 'Negaraku Berinovasi' selama seminggu bermula hari ini sehingga 7 April di Pusat Sains Negara, Bukit Kiara di sini.

Kementerian itu dalam satu kenyataan memberitahu, inisiatif yang dilakukan melalui pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) itu adalah satu inisiatif kerajaan untuk menyemarakkan dan membudayakan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) pada pelbagai peringkat serta merapatkan jurang antara sains dengan masyarakat.

"Dengan kerjasama kerajaan negeri, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi, institut pengajian tinggi dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), telah merancang pelbagai pengisian aktiviti bagi menyemarakkan Minggu Sains Negara di seluruh negara.

"Bagi pengunjung yang hadir ke Pusat Sains Negara, mereka akan disajikan dengan pelbagai program menarik seperti Chef Sains Beraksi, Membina trak!, dan Perjumpaan dengan Saintis," kata kenyataan tersebut.

Menurut kementerian itu, majlis Pelancaran Robot Serangga Mini yang terbanyak juga akan dianjurkan menerusi program tersebut pada 5 April dan ia akan dinilai untuk dicatat dalam Malaysian Book of Records di bawah kategori Sains dan Teknologi. –
UTUSAN ONLINE



Sasar 73 bidang pekerjaan bidang sains dan teknologi



Abu Bakar (tengah) merasmikan Minggu Sains Negara Peringkat Negeri Sembilan. Turut kelihatan Pkhruddin (kanan) dan Mohd Ashhar(kiri).

SEREMBAN – **Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** telah mengenal pasti 73 bidang pekerjaan baharu berasaskan sains dan teknologi menjelang tahun 2020.

Timbalannya, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata, ia sejajar dengan hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang inginkan negara menjurus kepada negara berteknologi bagi mencapai status negara maju dalam tempoh dua tahun lagi.

“Pelajar biasanya cakap bidang sains ini susah dan ibu bapa pula ada persepsi bidang ini kurang peluang pekerjaan. Sebab itulah mereka tak galakkan anak-anak pilih jurusan sains jika di universiti.

“Tapi kita kena sedar yang bidang ini sekarang adalah sebahagian daripada kehidupan kita. Sebab itu kerajaan sasarkan 60 peratus pelajar memilih aliran sains dan teknikal berbanding 40 peratus pelajar sastera,” katanya pada sidang media selepas hadir merasmikan Minggu Sains Negara Peringkat Negeri Sembilan di pasar raya Mydin Seremban 2, di sini, semalam.

Menurutnya, menjadi peranan ibu bapa untuk memberi galakan kepada anak-anak untuk menceburi bidang terbabit yang dilihat mempunyai masa depan lebih cerah.

Sementara itu mengenai Minggu Sains Negara beliau berkata, ia diadakan bertujuan meningkatkan kesedaran terhadap pentingnya sains dalam kehidupan dan pembangunan negara.

"Kita berharap program ini dapat menarik minat pelajar untuk memilih bidang dan jurusan sains dan teknologi sebagai kerjaya.

"Secara tak langsung, dapat membantu kerajaan menghasilkan tenaga mahir dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik yang amat diperlukan pada masa depan," katanya.

Hadir sama Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan, Pkhruddin Ghazali dan Ketua Pengarah Agensi Nuklear, Datuk Dr Mohd Ashhar Khalid.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 4
TARIKH: 02 APRIL 2018 (ISNIN)

73 kerjaya baharu dalam bidang sains dikenal pasti

SEREMBAN - Pelancaran Minggu Sains Negara diharapkan bakal menarik minat pelajar dalam menjadikan bidang dan jurusan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) sebagai kerjaya mereka pada masa hadapan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Abu Bakar Mohamad Diah berkata, pihaknya telah mengenal pasti 73 jenis pekerjaan baharu berasaskan sains yang bakal terhasil pada masa hadapan.

"Pelajar perlu mengam-bil peluang ini. Pekerjaan dalam bidang sains ini terjamin kerana inovasi sentiasa bergerak dan teknologi akan menjadi sumber pekerjaan pada masa hadapan," katanya yang ditemui selepas

merasmikan Minggu Sains Negara peringkat negeri di sini semalam.

Turut hadir Pengarah Pendidikan negeri, Pkharuddin Ghazali dan Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia, Datuk Mohd. Asshar Khalid.

Beliau berkata, masyarakat hari ini juga sedar bahawa sains merupakan sebahagian daripada kehidupan dan anak-anak harus didedahkan seawal mungkin kepada teknologi baharu seperti nuklear.

Sementara itu, dalam ucapan perasmiaannya, Abu Bakar berkata, Minggu Sains Negara yang diadakan pada setiap minggu pertama April itu bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap pentingnya sains dalam kehidupan dan pembangunan negara. - Bernama



ABU BAKAR (dua dari kanan) menyaksikan pelajar Sekolah Kebangsaan King George V, Amir Fahmi (kiri) yang menunjukkan demonstrasi robot pada majlis perasmian Minggu Sains Negara peringkat Negeri Sembilan 2018 di Mydin Mall, Seremban semalam.

Kuala Lumpur: Sebanyak 1,700 Robobug dikumpulkan sempena sambutan Minggu Sains Negara di Pusat Sains Negara (PSN), sekali gus bakal mendapat pengiktirafan daripada Malaysia Book of Records.

Minggu Sains Negara yang julung kali diadakan itu adalah hasil inisiatif Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dalam membudayakan sains dan teknologi dalam kalangan masyarakat.

Pengarah PSN Mismah Jimbun berkata, minggu sains itu bermula semalam hingga 7 April ini dan pihaknya menyediakan pelbagai aktiviti bercorak sains serta

Himpunan Robobug tarik minat pelajar bidang STEM

teknologi untuk pengunjung terutama pelajar.

Menurutnya, penganjuran minggu sains buat kali pertama itu akan menggunakan tema Negaraku Berinovasi dan pelbagai bentuk pameran turut disediakan di PSN sebagai lokasi rasmi minggu berkenaan.

"Minggu Sains Negara itu

acara julung kali diadakan di negara ini dan program berkenaan berlangsung bukan sahaja di PSN, tetapi di seluruh negara.

"Ia hasil inisiatif MOSTI untuk menarik minat murid serta pelajar dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) yang menjadi teras kepada kemajuan di peringkat global," katanya ketika ditemui di sini, kelmarin.

Mismah berkata, MOSTI juga mencadangkan April

menjadi bulan Minggu Sains Negara pada setiap tahun dan diharap langkah itu dapat menarik minat murid dan pelajar untuk mendalami bidang STEM secara lebih serius.

Beliau berkata, minggu sains itu akan dirasmikan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Wilfred Madius Tangau, esok.

"Berhubung pengumpulan terbesar Robobug pula, ia hasil ciptaan pelajar sekolah menggunakan bahan yang mudah didapati seperti klip kertas.

"Pengumpulan Robobug ini kita lakukan sejak Mac dan PSN mahu pelajar sekolah mampu mencipta sebuah robot mini menggunakan litar yang ringkas serta bahan terpakai.

"Kaedah itu dapat menarik minat mereka untuk lebih mendalami bidang STEM terutama dalam aspek inovasi sejajar dengan visi kerajaan mencapai negara maju tidak lama lagi," katanya.



PSN mahu pelajar sekolah mampu mencipta sebuah robot mini menggunakan litar yang ringkas"

Mismah



KERATAN AKHBAR
THE STAR (SMEBIZ) : MUKA SURAT 10
TARIKH : 02 APRIL 2018 (ISNIN)



Waste to wear: Suzila (left) and Nurul with some of the products produced by Kloth Lifestyle.



Green badges: More companies are starting to display their sustainable practices in a more visible form.



A cycle: (from left) Crushed plastic bottles, which are turned into plastic pellets and made into yarn.

By C.H. GOH
starsmebiz@thestar.com.my

GOING green is the new buzzword in the corporate world, and there is no shortage of companies or businesses that are trying to burnish their environmental credentials by contributing to sustainable causes.

According to Kloth Lifestyle co-founder and director Nik Suzila Nik Hassan, an increasing number of organisations are starting to display their green causes like a badge of honour.

While it is not surprising for multinational companies to be generally more enthusiastic about matters of sustainability, Suzila says many prominent local companies are now also beginning to show their sustainable practices in a much more visible form, like getting sustainable corporate uniforms, for example.

Kloth, a Malaysia-based sustainable apparel company, makes, markets and develops fabrics, garments and other fabric-based wearable products that are made from recycled plastic bottles and other recycled materials.

Kloth currently has a collaboration agreement with Shanghai based Vision Textiles - using the latter's Waste2Wear clothing technologies - and Dutch fashion designer, Monique Maissan, to design, manufacture and market fashion and clothing lines using polyester yarns that are produced from recycled plastic bottles.

The company currently has contracts to supply uniforms and corporate gifts to a number of clients including Coca-Cola Malaysia, Felda Wellness Corp, Agro Bank and property developer EcoWorld.

Note that Coca-Cola Co, Campbell Soup Co and Keurig Green Mountain Inc have signed commitments to identify and

Sustaining a style that lasts

utilise products with 100% recycled containers in their facilities.

Kloth was founded in 2013 by four ladies who were university mates. The company is 20% owned by GreenTech Malaysia Alliance, a subsidiary of Malaysian Green Technology Corp - the investment arm of the Ministry of Science, Technology and Innovation Malaysia. The other shareholders of Kloth include Monique Maissan, who is also the founder of Vision Textiles, who holds another 20% while Suzila and her three other partners hold the remaining stake in the company.

Suzila says Kloth's current focus is to build up its supply chain, particularly to ensure sufficient feedstocks for its raw materials. Being able to secure its own feedstock is crucial to control its cost of production and create economies of scale so that it can move beyond the corporate market and produce products for mass market consumers.

Apart from supplying wearable products to companies, other areas that Kloth could expand into include selling recycled garments in hawker shops and exporting them to developing countries.

Suzila says the partners are also looking at expanding its product lines to include pillows and other bedding items using recycled yarns.

It would also have the option of blending unwanted textiles scraps

with other materials to produce engineered fuel for cement kilns.

However, Nurul Izani Zulkifli, another co-founder who now heads the operations and administration matters for Kloth, explains that one of the challenges in sourcing for the right feedstock is that not all plastics can be recycled into yarn. The most common type of plastic is the one used to make plastic bottles and plastic bags.

The challenges for Kloth, now, are two-fold: bring down the prices of raw materials and increase the awareness on the value of a sustainable lifestyle.

Nurul notes that there is a need for the team to invest more into marketing and sales efforts to promote a sustainable lifestyle. This, she says, can be done through promoting fashion products made from plastic bottles such as scarves, hijabs and foldable micro-fiber towels.

To scale up its operations, the company is looking at the possibility of raising new funds from potential venture capital (VC) investors.

Kloth has already started talks with some local VCs for a possible capital injection but Suzila says it is still open to interest from South-East Asian-focused VCs. It will also look into any interest from companies within the environmental and recycling industry that are interested to invest in a business such as Kloth.

The potential for the business to

grow is there as consumers become more environmentally-conscious and demand the same of corporate companies.

Nonetheless, Suzila acknowledges that Kloth is facing some formidable obstacles in its quest to promote a green lifestyle in Malaysia and to make its brand a household name in the sustainable fashion world.

The lack of awareness on recycling is one of the obvious problems.

"Currently, there is still a large portion of recyclable waste that is disposed in landfills and not deviated to recycling," says Suzila.

It also means that Malaysia is very much behind in its recycling efforts compared with a number of developed countries.

"In Malaysia, waste separation, especially among the households, is still a long way from being a habitual exercise. It still has a long way to go before it becomes a culture. Most people still see waste as valueless."

This is something that needs to be changed and it needs to be driven by policy makers with the political will to change," she explains.

According to Brussels-based Bureau of International Recycling (BIR), the world produces more than 8 billion tonnes of plastic annually. But only 9% of that is recycled, while just under 80% is treated as waste, where they are sent to landfill sites or dumped in the oceans. The BIR report notes

that countries with the highest recycling rates are Austria at 63%, Germany (62%), Belgium (58%), the Netherlands (51%) and Switzerland (51%).

Another point of contention for Kloth is the fact that the process of turning plastic bottles into fabric and ultimately wearable fashion is a tedious one. It involves the breaking down of bales of plastics, cleaning and separation of materials into different plastic resins and manufacturing them into pellets that are ready to be shaped into new products.

The labour-intensive process drives up the cost of raw materials and compresses the margins. This, in turn, discourages investment in downstream activities based on recycled fabrics.

But Suzila opines that the single biggest obstacle to a sustainable business for Kloth is the fact that the policies and regulations concerning recycling is not uniformed or up to date. Neither do they promote the concept of a circular economy.

A circular economy is based on the concept of 3Rs, popularly known as "reduce, reuse and recycle".

"There is no concerted effort by our policy makers in ensuring a sustainable recycling practice, and this is a massive waste of wealth for the country. We can see Bangladeshis and Myanmar nationals collecting recyclable items for collection centres. We know they do not earn much. The price the centres pay for recyclables is, quite literally, pittance. This does not, therefore, do enough to persuade the public to separate waste and sell the recyclables," says Suzila.

While the road to a sustainable lifestyle is paved with challenges, Kloth is determined to put its brand and business model at the centre of its efforts toward a circular economy.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 19
TARIKH : 02 APRIL 2018 (ISNIN)



SIRAJUDDIN ketika membentangkan kertas kerja bertajuk Pemetaan Halal Malaysia dan Jalan Ke Hadapan pada MyHA 2018 semalam.



SEBAHAGIAN daripada 900 peserta dari negara-negara asing yang hadir pada Konvensyen Badan Pensijilan Halal ke-9 di Hotel Le Meridien, Putrajaya.



GERAI pameran pelbagai agensi dan syarikat yang menyediakan perkhidmatan berkaitan halal antara yang menjadi tarikan pengunjung pada MyHA 2018.

Jadi platform menghimpun pakar-pakar dalam industri halal global kongsi idea baharu

Penganjuran MyHA ditambah baik

Oleh RASDAN AHMAD

PUTRAJAYA – Pentas Persidangan Halal Antarabangsa Malaysia (MyHA) 2018 yang dianjurkan buat kali kesembilan bermula 26 Mac lalu dan berakhir Selasa ini bakal dikembangkan dan ditambah pada penganjuran tahun hadapan.

Ini termasuk memperkenalkan pengisian baharu iaitu Pameran Inovasi dan Teknologi Halal sebagai antara teras utama program.

Pengarah Bahagian Halal, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Dr. Sirajuddin Suhaimi berkata, tahun hadapan merupakan

ulang tahun ke-25 pensijilan halal Malaysia dan penganjuran MyHA bakal mendapat usaha sama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

"Penganjuran MyHA sentiasa ditambah baik, misalnya pada edisi kali ini yang menghimpunkan empat program dalam satu."

"Jadi, pada tahun hadapan kita tambah satu lagi program iaitu Pameran Inovasi dan Teknologi Halal dan segmen ini belum pernah dilakukan oleh mana-mana penganjur termasuk di peringkat global," katanya ketika ditemui *Kosmo!* pada MyHA 2018 di sini semalam.

Dalam pada itu, MyHA 2018

anjuran bersama Jakim dan rakan strategiknya, DagangHalal Sdn. Bhd. telah menghimpunkan seramai 900 penggiat industri halal dari dalam dan luar negara.

Jelas Sirajuddin, tahun ini pihaknya menamakan MyHA kerana terdapat empat program dianjurkan bersama dan bukan tertumpu kepada konvensyen sahaja berbanding tahun sebelumnya.

"Persidangan ini bukan sahaja menjadi platform untuk berhimpun atau perbincangan tetapi juga untuk mendapatkan latihan atau kemahiran berkaitan industri halal seperti program Pembangunan Kapasiti Teknikal, Halal Antarabangsa serta memperoleh kelayakan untuk mendapatkan sijil halal eksekutif dalam program Majlis Halal Profesional.

"Perhimpunan ini telah disertai pemain-pemain industri halal seperti wakil badan-badan pensijilan halal luar negara, wakil-wakil kedutaan asing, agensi berkaitan halal serta pemegang-pemegang sijil halal tempatan dan luar negara," jelasnya.

Antara negara yang turut serta dalam persidangan kali ini adalah Brazil, Turki, Algeria, China, Taiwan, Arab Saudi serta negara jiran Indonesia, Singapura, Thailand dan juga Brunei.

ORANG ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut mengenai MyHA 2018 boleh hubungi talian 03-2171 1128 atau layari laman web www.halalcbconvention.my

INFO Program MyHA 2018 (Isnin 2 April 2018)

8.30 pagi: Majlis ucapan dan menandatangani MoU dihadiri Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom

9 pagi: Pembentangan kertas kerja Pelancongan Muslim oleh Ketua Pengarah, Pusat Pelancongan Islam, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, Zulkifly Md. Said

10 pagi: Pembentangan kertas kerja Kewangan Islam oleh Penolong Pengurus Besar, SME Banking Division, Bank Islam Malaysia Berhad, Izhar Pawanchek

11 pagi: Forum 1 - Badan Pensijilann Halal Asing
2 petang: Forum 11 - Industri Halal Masa Depan yang Cerah